



Headline: Macau Scam :Empat warga Taiwan ditahan
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 1 August 2018

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 24

Macau Scam: Empat warga Taiwan ditahan

KUALA LUMPUR 31 Julai - Polis menumpaskan sindiket Macau Scam membabitkan kerugian RM887,168 dengan menahan empat warga Taiwan dalam serbuan di sebuah unit kondominium di Jalan Kuchai Lama, di sini pada 24 Julai lalu.

Kesemua suspek berusia 27 hingga 35 tahun itu ditahan kira-kira pukul 6 petang oleh Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Ibu pejabat Polis (IPD) Dang Wangi.

Dalam serbuan itu, polis turut menemukan 56 keping kad mesin juruwang automatik (ATM), 15 unit telefon bimbit, satu unit modem, sebuah komputer riba dan enam keping simkad.

Ketua Polis Kuala Lumpur Da-

tuk Seri Mazlan Lazim berkata, siasatan mendapati suspek menyewa unit kondominium berkenaan dengan harga RM3,000 sebulan sebagai tempat beroperasi serta mengumpul barangan hasil kegiatan.

Menurut beliau, sindiket terbabit dipercayai bergiat aktif sejak beberapa bulan lalu dan terlibat dengan 24 kes di beberapa negeri.

"Hasil siasatan mendapati sindiket itu mempunyai lima kes di Selangor dan Johor diikuti tiga di Perak; masing-masing dua di Kedah, Pulau Pinang, Melaka, Kelantan serta satu laporan di Kuala Lumpur, Pahang dan Negeri Sembilan.

"Kejayaan itu berikutan su-

sulan satu laporan polis dibuat seorang wanita berusia 47 tahun pada 16 Januari lalu yang terpedaya dengan panggilan palsu oleh suspek dengan menyamar sebagai pegawai kastam," katanya dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Kontinjen Polis (IPK) Kuala Lumpur di sini hari ini.

Menurut Mazlan, mangsa dimaklumkan mempunyai tunggakan cukai barang dan perkhidmatan (GST) sebanyak RM16,000 dan pembabitkan kes jenayah di Kedah.

Jelas beliau, bagi meyakinkan mangsa kononnya dia didapati bersalah, suspek menyambungkan panggilan ke 'IPK Kedah' dengan mengatakan terlibat kes dadah dan penggubahan wang haram.